

Garispandu Latihan dan Ujian Memandu Semasa Wabak Pandemik Covid-19

Jenis Kelas	Garispandu yang Perlu Dipatuhi oleh Sekolah-Sekolah Memandu
<p>A. Latihan atau Ujian Teori Kod Jalan Raya atau High Way Code (HWC) Classes.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menghadkan jumlah penuntut dalam satu-satu sesi kepada tidak melebihi 30% sahaja daripada kapasiti biasa ruang bilik kelas (<i>normal capacity</i>). 2. Mengisi borang deklarasi kesihatan yang membolehkan pengesanan kontek (<i>contact tracing</i>) jika diperlukan, iaitu dengan mengambil maklumat kehadiran yang lengkap seperti nama, nombor telefon dan sebagainya sebelum latihan dan ujian memandu dijalankan. 3. Sekolah-sekolah Memandu hendaklah mengamalkan langkah-langkah mencegah jangkitan Covid-19 seperti berikut :- <ol style="list-style-type: none"> 3.1 Mengadakan penyukat panas badan (<i>body temperature check</i>) dan memastikan penyukatan terhadap Jurulatih dan Peserta sebelum memulakan kelas. Jika panas badan (<i>body temperature</i>) Jurulatih atau Peserta adalah melebihi 37°C paras biasa suhu badan (<i>normal body temperature</i>) atau terdapat tanda-tanda demam atau selesma atau jangkitan Covid-19, maka Jurulatih atau Peserta adalah dikategorikan berisiko tinggi (<i>highrisk</i>) untuk mengikuti latihan dan kelas latihan. Jurulatih atau Peserta adalah tidak dibenarkan untuk menjalankan atau menghadiri kelas latihan. Jurulatih atau Peserta berkenaan hendaklah meninggalkan tempat latihan dengan serta merta dan disarankan untuk berjumpa Doktor untuk sebarang nasihat sebelum pulang ke rumah. 3.2 Memastikan penjarakan fizikal atau sosial (<i>Physical or Social Distancing</i>) semasa mengendalikan kelas latihan iaitu jarak tempat duduk sekurang-kurangnya 1 - 2 meter antara satu peserta latihan dengan yang lain. 3.3 Mengadakan tanda seperti pelekat di atas lantai atau di tempat duduk 3.4 Menyediakan pensanitasi tangan (<i>hand sanitizer</i>) dan memastikan pemakaiannya mengikut saranan oleh Kementerian Kesihatan. 3.5 Mengadakan penutup mulut dan hidung ‘<i>face mask</i>’ dan memastikan pemakaiannya mengikut saranan oleh Kementerian Kesihatan. 3.6 Mengelakkan sentuhan fizikal (<i>physical contact</i>). 3.7 Mengamalkan kebersihan diri bagi Jurulatih dan Peserta. 4. Memastikan kebersihan persekitaran premis Sekolah Memandu dan kelas :- <ol style="list-style-type: none"> 4.1 Penyediaan kemudahan bilik air yang bersih dan mencukupi, tempat membasuh tangan beserta sabun, tuala pakai buang atau tisu, dan tong-tong sampah yang bertutup. 4.2 Memastikan pengalihudaraan atau ventilasi yang baik (<i>ventilation</i>). Disarankan untuk menggunakan kipas dan membuka tingkap jika perlu. 5. Menyediakan langkah-langkah yang membolehkan pengesanan kontek (<i>contact tracing</i>) :- <ol style="list-style-type: none"> 5.1 Sekolah-sekolah Memandu adalah dikehendaki untuk menggunakan <i>Bru-Health</i> bagi mengesan Jurulatih dan Peserta. Jurulatih dan Peserta

	<p>hanya dibenarkan memasuki kelas jika mempunyai kod penilaian berwarna hijau atau kuning sahaja. Oleh yang demikian, sekolah-sekolah memandu dimestikan untuk mendaftar <i>QR Code Bru-Health</i> untuk dipamerkan di pintu hadapan sekolah.</p> <p>5.2 Mengambil maklumat kehadiran yang lengkap seperti nama, nombor telefon dan sebagainya.</p> <p>5.3 Garispandu ini akan direbiu dari masa ke semasa.</p>
<p>B. Latihan atau Ujian Praktikal Memandu</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menghadkan jumlah penuntut dalam satu-satu sesi kepada tidak melebihi 30% sahaja daripada had biasa latihan atau ujian praktikal memandu (<i>normal limit</i>). 2. Mengisi borang deklarasi kesihatan (<i>health declaration form</i>) yang membolehkan pengesanan kontek (<i>contact tracing</i>) jika diperlukan, iaitu dengan mengambil maklumat kehadiran yang lengkap seperti nama, nombor telefon dan sebagainya sebelum latihan dan ujian memandu dijalankan. 3. Sekolah-sekolah Memandu hendaklah mengamalkan langkah-langkah mencegah jangkitan Covid-19 seperti berikut :- <ol style="list-style-type: none"> 3.1 Mengadakan penyukat panas badan (<i>body temperature check</i>) dan memastikan penyukatan terhadap Jurulatih/Pegawai Penguji atau Calon sebelum memulakan latihan atau ujian praktikal memandu. Jika panas badan (<i>body temperature</i>) Jurulatih/Pegawai Penguji atau Calon adalah melebihi 37°C paras biasa suhu badan (<i>normal body temperature</i>) atau terdapat tanda-tanda demam atau selesma atau jangkitan Covid-19, maka Jurulatih atau Peserta adalah dikategorikan berisiko tinggi (<i>high risk</i>) untuk mengikuti latihan atau ujian memandu. Jurulatih atau Peserta adalah tidak dibenarkan untuk menjalankan atau menghadiri latihan atau ujian memandu. Jurulatih atau Peserta berkenaan hendaklah meninggalkan tempat latihan atau ujian memandu dengan serta merta dan disarankan untuk berjumpa Doktor untuk sebarang nasihat sebelum pulang ke rumah. 4. Memandangkan penjarakan fizikal atau social (<i>Physical or Social Distancing</i>) semasa mengendalikan latihan memandu di antara Jurulatih/Pegawai Penguji atau Calon adalah sukar untuk memenuhi jarak 1 - 2 meter, maka perkara-perkara berikut hendaklah diambil :- <ol style="list-style-type: none"> 4.1 Menyediakan pensanitasi tangan (<i>hand sanitizer</i>) dan memastikan pemakaiannya mengikut saranan oleh Kementerian Kesihatan. 4.2 Mengadakan penutup mulut dan hidung '<i>face mask</i>' dan memastikan pemakaiannya mengikut saranan oleh Kementerian Kesihatan. 4.3 Mengelakkan sentuhan fizikal (<i>physical contact</i>). 4.4 Mengamalkan kebersihan diri bagi Jurulatih dan Calon. 4.5 Memastikan pengalihudaraan atau ventilasi yang baik (<i>ventilation</i>). Disarankan untuk membuka tingkap kenderaan.

- 4.6 Kenderaan latihan atau ujian hendaklah **dibersihkan dan disinfeksi sebelum dan selepas digunakan** terutamanya di bahagian permukaan alat-alat kenderaan yang sering disentuh/ dipegang seperti stereng, kerusi, gear, brek tangan, pemegang pintu (*door handle*).
- 4.7 Selepas digunakan, kenderaan latihan atau ujian hendaklah **direhatkan selama 15 minit** sebelum digunakan semula untuk latihan atau ujian memandu dengan membuka semua pintu-pintu kenderaan untuk pengaliran udara.
- 4.8 Menyediakan langkah-langkah yang membolehkan **pengesanan kontek (*contact tracing*)**. **Sekolah-sekolah Memandu adalah dikehendaki untuk menggunakan *Bru-Health*** bagi mengesan **Jurulatih/Pegawai Penguji atau Calon**. Jurulatih/Pegawai Penguji atau Calon hanya dibenarkan memasuki kelas jika mempunyai kod penilaian berwarna hijau atau kuning sahaja.
- 4.9 Mengambil **maklumat kehadiran yang lengkap** seperti nama, nombor telefon dan sebagainya.

5. Garispandu ini akan direbiu dari masa ke semasa.